

D236

B B283 DEB
MAHATHIR - FERI R R R
(I)

KOTA KINABALU, 8 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA FERI MALAYSIA TIDAK DAPAT MENURUNKAN LAGI TAMBANGNYA UNTUK PERJALANAN ANTARA KUANTAN, KUCHING DAN KOTA KINABALU KERANA KOS PENGENDALIAN YANG TINGGI.

+ KERAJAAN MEMBERI SUBSIDI \$5 JUTA SETAHUN UNTUK FERI MALAYSIA BEROPERASI TETAPI SAYA PERCAYA IA TIDAK AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS LAWATAN RASMI DUA HARI KE SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUKAR UNTUK MENYATAKAN BERAPAKAH TAMBANG YANG BERPATUTAN KEPADA PENUMPANG-PENUMPANG MEMANDANGKAN KOS PENGENDALIAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENAMBAH BAHAWA PADA PERINGKAT PERMULAAN FERI MALAYSIA MEMBERIKAN POTONGAN 30 PERATUS SEHINGGA AKHIR TAHUN INI UNTUK MELIHAT SAMBUTAN ORANG RAMAI.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PERKHIDMATAN FERI ITU BERTUJUAN. MEWUJUDKAN INTEGRASI NASIONAL DAN KERAJAAN BERPENDAPAT TAMBANG YANG DIKENAKAN ITU BERPATUTAN. -- LAGI.

1824MST 08 07 86

D245

B B286 AAB

MAHATHIR - FERI 2 KOTA KINABALU

MENGENAI PEMERIKSAAN IMMIGRESEN DAN KASTAM DI TIGA PELABUHAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN INGIN MELIHAT KEPERLUAN IMIGRESEN ITU DIHAPUSKAN.

BAGAIMANAPUN TERPULANGKAH KEPADA KERAJAAN SABAH UNTUK MENIMBANGKAN BAGI MENGHAPUSKAN KEPERLUAN ITU.

+ YANG DAPAT MEREKA LAKUKAN SEKARANG IALAH MEMPERCEPATKAN PEMERIKSAAN BAGI MENGELAKKAN KESULITAN KEPADA PARA PENUMPANG,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP ORANG RAMAI AKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN YANG ADA DI DERMAGA FERI DI SINI DENGAN SEBAIK-BAIKNYA DAN BELIAU INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK PELANCONG DATANG KE SABAH DENGAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN FERI. -- BERNAMA.

1842MST 08 07 86